

UNTUK SIARAN SEGERA



JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN

KENYATAAN MEDIA

KEMATIAN MURID DI SEKOLAH: JPNS ZAHIRKAN UCAPAN TAKZIAH, PASTIKAN BANTUAN TERBAIK KEPADA KELUARGA

Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS) menzahirkan rasa dukacita atas kematian seorang murid di sekolah di sini pada hari ini, dan menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga murid berkenaan. Semoga rohnya ditempatkan dalam kalangan orang yang beriman dan seluruh keluarga diberi kesabaran dalam menghadapi ujian berat ini.

Kejadian ini sedang berada dalam siasatan pihak polis. JPNS dan semua pihak berkaitan memberi kerjasama penuh terhadap siasatan yang sedang berjalan. JPNS juga telah memulakan proses siasatan dalaman bagi meneliti setiap perkara berkaitan.

Keutamaan JPNS pada ketika ini adalah untuk memastikan bantuan terbaik kepada keluarga. Sokongan psikososial turut disediakan kepada seluruh warga sekolah yang terkesan.

JPNS memohon semua pihak untuk memberi ruang dan menghormati sensitiviti keluarga yang sedang berhadapan keadaan sukar pada ketika ini.

TAMAT

**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI SEMBILAN
19 JUN 2026**